AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 12 PRINTED SIZE: 290.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,136.00 ITEM ID: MY0071139454



16 SEP, 2026

UMS hayati nilai MADANI melalui budaya amanah, berhemah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

UMS hayati nilai MADANI melalui budaya amanah, berhemah

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memberi perhatian kepada pembentukan budaya kerja yang berteraskan amanah, integriti, ihsan dan pengurusan sumber secara berhemah dalam usaha membentuk sebuah institusi pendidikan tinggi yang cemerlang bukan sahaja dalam ilmu, tetapi juga dari segi nilai dan akhlak.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, penghayatan nilai tersebut perlu diterjemahkan dalam kehidupan dan tugas harian seluruh warga universiti, selaras dengan tema Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat UMS 1448H/2026M, 'MADANI Dihayati, Ummah Diberkati'.

Menurutnya, sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar acara tahunan, sebaliknya menjadi ruang untuk warga universiti menghayati perjuangan, kepimpinan dan akhlak Rasulullah SAW serta menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

"Yang lebih penting ialah sejauh mana sambutan ini dapat menginsafkan kita, menyuburkan kecintaan kepada Rasulullah SAW dan diterjemahkan melalui amalan serta akhlak dalam kehidupan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat UMS 1448H/2026M di Bilik Seminar, Pusat Islam UMS, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata keputusan UMS untuk tidak mengadakan acara perarakan pada tahun ini merupakan sebahagian daripada usaha universiti mengamalkan budaya berjimat cermat, mengoptimumkan perbelanjaan dan mengurus sumber yang diamanahkan secara bertanggungjawab.

Katanya, pendekatan berkenaan tidak mengurangkan nilai sambutan Maulidur Rasul, sebaliknya mencerminkan penghayatan konsep MADANI yang turut menuntut sikap bertanggungjawab, bersederhana dan berhemah dalam mengurus sumber universiti.

"Kesederhanaan bukanlah ukuran kepada makna dan keberkatan sesuatu majlis. Yang penting ialah kita memastikan setiap sumber yang diamanahkan kepada universiti digunakan sebaik-baiknya, mengutamakan keperluan dan mengelakkan pembaziran," katanya.

Kasim berkata, budaya pengurusan yang berhemah dan berintegriti penting dalam konteks sebuah institusi awam kerana ia bukan sahaja membantu memastikan sumber universiti diurus dengan baik, malah membentuk warga kerja yang bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan.

Beliau turut mengajak warga UMS, khususnya kakitangan, menjadikan akhlak Rasulullah SAW sebagai panduan dalam melaksanakan tugas, termasuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar, menghormati rakan sekerja serta melaksanakan tanggungjawab dengan adil dan ikhlas.

"Apabila kita diberikan amanah, adakah kita melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab? Apabila berhadapan dengan pelajar dan pelanggan universiti, adakah kita memberikan perkhidmatan dengan penuh ihsan?

"Inilah sebenarnya antara bentuk penghayatan Maulidur Rasul yang paling bermakna. Bukan sekadar kita berselawat pada hari ini, tetapi akhlak Rasulullah SAW terus hidup dalam diri kita selepas kita meninggalkan majlis ini," katanya.

Beliau berkata, kecemerlangan UMS tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik, pembangunan fizikal atau kemajuan teknologi, tetapi turut dipengaruhi oleh warga kerja yang amanah, komited dan mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi.

Sehubungan itu, beliau menyeru seluruh warga UMS membudayakan amanah dalam melaksanakan tugas, ikhlas dalam memberikan perkhidmatan, jujur dalam tindakan, berhemah dalam perbelanjaan dan ihsan dalam melayani sesama insan.

"Semoga sambutan Maulidur Rasul tahun ini menjadi ruang untuk warga UMS bermuhasabah dan memperbaharui tekad untuk mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan serta melaksanakan amanah sebagai warga universiti.

"Biarlah sambutan pada tahun ini sederhana dari segi bentuknya, tetapi besar maknanya pada hati kita. Biarlah tiada perarakan seperti tahun-tahun sebelumnya, tetapi semangat kecintaan kepada Rasulullah SAW terus berarak dalam jiwa kita," katanya.



AMANAT: Kasim semasa menyampaikan ucapan pada majlis itu.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 12 PRINTED SIZE: 290.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,136.00 ITEM ID: MY0071139454



16 SEP, 2026

UMS hayati nilai MADANI melalui budaya amanah, berhemah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memberi perhatian kepada pemben tukan budaya kerja yang berteraskan amanah, integriti, ihsan dan pengurusan sumber secara berhemah dalam usaha membentuk sebuah institusi pendidikan tinggi yang cemerlang bukan sahaja dalam ilmu, tetapi juga dari segi nilai dan akhlak. Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.